

29 MAR, 2023

Cuaca tidak menentu pengaruhi harga sayur

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Cuaca tidak menentu pengaruhi harga say

Harga ikan di Terengganu turun walaupun nelayan tak ke laut

Oleh Mohd Rafi Mamat dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mendapati, harga sayur tanah tinggi Cameron Highlands kini tidak menentu disebabkan faktor pengeluaran dan permintaan semasa.

Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri, berkata terdapat kira-kira 23 jenis sayuran jenis daun, buah dan ubi keluaran pekebun di Cameron Highlands dengan pasaran tempatan dan Singapura.

Katanya, terdapat beberapa sayuran jenis buah kini dijual pada harga ladang melebihi RM5

sekilogram, antaranya tomato, lada benggala merah dan hijau, cili merah minyak, terung panjang, tomato serta lik.

Katanya, harga tomato pernah mencecah lebih RM10 sekilogram pada awal tahun ini ketika Tahun Baharu Cina, berikutan pengeluaran yang berkurangan sedangkan permintaan begitu tinggi hingga tidak mencukupi.

"Setiap dua hari sekali, kita merekodkan harga 23 sayuran keluaran pekebun di Cameron Highlands, harga ladang akan mempengaruhi harga jualan runcit.

"Harga ladang kini lebih banyak dipengaruhi oleh pekebun kerana mereka sebagai pengeluar, bagaimanapun mereka tetap akur dengan peraturan yang ditetapkan kerajaan," katanya, dihujung di sini, semalam.

Beliau menambah, cuaca yang tidak menentu turut mempengaruhi harga sayuran tanah tinggi dan tanah rendah.

Bagaimanapun, bekalan sayuran di negeri ini masih mencukupi dan harganya tidak ter-

lalu tinggi.

Saiful berkata, pihaknya sentiasa memberi galakan kepada masyarakat supaya terbabit dalam sektor pertanian, pelbagai kemudahan disediakan kerajaan.

Bagi peserta ladang kontrak FAMA, mereka berpeluang mendapat pelbagai kemudahan.

"Kita tidak ingin melihat pengguna terus terbeban dengan harga tidak menentu sayuran di negeri ini, justeru kawalan harga dilakukan oleh pihak berkuasa.

"Bagi mendapatkan sayuran pada harga lebih rendah dan segar, pengguna boleh ke pasar tani dan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) anjuran FAMA," katanya.

Bekalan ikan cukup

Di **Kuala Terengganu**, harga ikan basah tempatan di beberapa pasar di negeri ini menunjukkan penurunan, walaupun sebahagian nelayan tidak turun ke laut sepanjang Ramadan.

Tinjauan di pasar Chabang Tiga, di sini, mendapati harga



Harga tomato pernah mencecah lebih RM10 sekilogram pada awal tahun ini.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

ikan basah tempatan turun antara RM1 dan RM2 sekilogram.

Bagaimanapun, berlaku sedikit kenaikan harga ikan merah dan tenggiri kerana bekalan diperoleh dari luar negeri ini.

Ikan selayang dijual pada harga RM14 dan RM16 sekilogram, berbanding antara RM16 dan RM18 sebelum Ramadan.

Harga ikan kembung juga turun sebanyak RM2 sekilogram iaitu RM22, berbanding antara RM24 dan RM28 sebelum ini.

Seorang peniaga ikan, Roslan Mustafa, 48, berkata kebanyakan

bekalan pelbagai jenis ikan diperoleh daripada nelayan tempatan, termasuk nelayan pantai.

Katanya, ikan cencaru dijual pada harga RM14 sekilogram berbanding RM16 sebelum ini, ikan tongkol RM16 (RM17 dan RM18), selar RM20 (RM22), bawal tempatan RM36, berbanding RM38 sekilogram, manakala bawal sejuk beku dijual pada RM28 (RM30).

"Harga sotong pula dijual pada harga RM42 sekilogram, manakala udang galah RM40 sekilogram dan udang putih RM80 sekilogram," katanya.



29 MAR, 2023

Cuaca tidak menentu pengaruhi harga sayur

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Harga ikan di Terengganu turun walaupun nelayan tak ke laut

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mendapati, harga sayur tanah tinggi Cameron Highlands kini tidak menentu disebabkan faktor pengeluaran dan permintaan semasa. Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri, berkata terdapat kira-kira 23 jenis sayuran jenis daun, buah dan ubi keluaran pekebun di Cameron Highlands dengan pasaran tempatan dan Singapura.